

11 JUN 2000

Chechnya-Mahathir/I

PRESIDEN MASKHADOV MINTA DR MAHATHIR CAMPUR TANGAN KONFLIK CHECHNYA

Oleh: Haikal Mohd Isa

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Presiden Chechnya Aslan Maskhadov hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi orang tengah bagi memulakan proses rundingan antara Rusia dan Chechnya.

Maskhadov juga meminta sokongan moral rakyat Malaysia.

"Saya berbesar hati jika Dr Mahathir yang amat dihormati itu, dapat membawa kedua-dua pihak yang bertelagah, Chechnya dan Rusia, untuk memulakan proses rundingan," katanya dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama dari tempat persembunyiannya pergunungan Chechnya.

Presiden itu berkata beliau cuba menghubungi Dr Mahathir tetapi tidak berjaya kerana keadaan buruk yang terdapat pada medan perang seperti tiada kemudahan telefon dan mesin faks.

"Saya harap melalui cara ini, Perdana Menteri akan memberi jawapan," katanya.

Maskhadov juga berharap pada masa depan, Malaysia dan Chechnya boleh menjalin hubungan dua hala berdasarkan persefahaman dan rasa hormat menghormati tetapi berkata beliau menyedari bahawa Rusia mungkin menjadi masalah bagi merealisasikan objektif itu.

"Saya pasti, apabila kita mewujudkan hubungan dengan Rusia, kami boleh menjalin hubungan baik dengan Malaysia.

"Saya harap rakyat Malaysia tidak akan menghadapi nasib yang sama seperti rakyat Chechen. Saya harap mereka tidak akan melalui pengalaman yang dideritai oleh rakyat Chechen yang berhadapan dengan serangan dari Rusia.

"Saya harap tidak ada sesiapa yang mengajar rakyat Malaysia bagaimana menjalani penghidupan mereka," katanya.

Maskhadov yang pernah datang ke Kuala Lumpur beberapa tahun lepas, menyifatkan Malaysia sebagai "sebuah negara yang menakjubkan dengan penduduknya yang baik."

Katanya bagi menyelesaikan konflik yang telah mengorbankan banyak nyawa dan harta benda, kedua-dua pihak yang bertelagah mesti menghentikan peperangan dan memulakan proses rundingan.

Tetapi pemimpin Chechnya itu mengingatkan Rusia supaya tidak menganggap bahawa tawarannya untuk berunding merupakan tanda beliau lemah, sambil menegaskan bahawa "kami tidak lemah, tetapi inilah tindakan yang tepat."

Proses rundingan, katanya, perlu hanya membabitkan Chechen dan Rusia, dengan menolak sebarang cadangan supaya rundingan dilakukan menerusi pihak ketiga.

"Tidak ada sebab untuk mencari pihak ketiga," kata Maskhadov.

Beliau berkata: "Chechnya mempunyai parlimen dan pemimpin yang boleh dihubungi untuk menjalankan rundingan damai."

Presiden itu berkata tuntutan beliau adalah jelas iaitu mahukan Rusia menghormati dan mematuhi keputusan yang diterima oleh Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) dan Majlis Sidang Kemuncak Eropah di Istanbul, Turki.

OSCE dan majlis itu mahu kedua-dua pihak yang bertelagah, menghentikan peperangan dan memulakan proses rundingan damai.

"Malangnya, Rusia tidak menghiraukan keputusan yang dibuat oleh OSCE dan majlis berkenaan serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Maskhadov.

Presiden itu berkata beliau akan mengumumkan tidak lama lagi tawaran baru bagaimana hendak menamatkan peperangan itu.

Mengulas mengenai mesyuarat menteri-menteri luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur mulai 27 Jun ini, Maskhadov berkata: "Kami mempunyai harapan yang besar terhadap mesyuarat itu."

"Kami rasa semua rakan Muslim memahami apa yang berlaku ke atas kami sekarang, kami berharap mesyuarat OIC ini akan merayu dan memperakui hak Chechnya untuk merdeka," katanya.

Presiden itu berharap mesyuarat itu akan membuat keputusan seperti yang dilakukan oleh Majlis bagi Sidang Kemuncak Eropah di Istanbul.

Beliau juga berharap mesyuarat itu "akan mengutuk keganasan Rusia terhadap rakyat Chechen dan mereka (mesyuarat OIC) akan menjana sokongan moral dan material kepada Chechnya."

Maskhadov menganggarkan 20,000 rakyat Chechen telah terkorban berikutan konflik yang tercetus antara Chechnya dan Rusia itu.

-- BERNAMA

MHI ZS LAT MAI